



SIARAN AKHBAR

USAHA PEMULIHARAAN STESEN KERETAPI SEREMBAN KINI DIPERINGKAT AKHIR

SEREMBAN, 26 Disember 2025 – Perbadanan Aset Keretapi (RAC) terus memperkukuh usaha memelihara aset warisan dan memperkasa infrastruktur pengangkutan awam melalui **Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban** yang kini memasuki fasa terakhir penyiapan.

Dalam lawatan kerja YB Arul Kumar a/l Jambunathan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan ke Stesen Keretapi Seremban hari ini, beliau telah diberi taklimat teknikal mengenai status dan kemajuan projek berkenaan oleh Sr. Siti Safura Jamaludin, Jurutera Bangunan Senggara daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Seremban selaku agensi pelaksana.

Turut hadir adalah wakil-wakil daripada Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan projek ini iaitu Jiwa Kental Sdn. Bhd.

Stesen Keretapi Seremban yang dibina antara 1904 hingga 1910 merupakan stesen bersejarah yang berusia lebih 100 tahun dan masih beroperasi sehingga ke hari ini. Mengiktiraf nilai sejarah serta seni binanya, stesen ini telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) pada 2015.

UNTUK SIARAN SEGERA

Projek dengan nilai kontrak **RM8.75** juta ini telah dilaksanakan secara berfasa dan berteraskan prinsip konservasi, selaras dengan garis panduan bangunan bersejarah negara.

Sehingga pertengahan Disember 2025, kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 97 peratus yang merangkumi kerja-kerja utama konservasi struktur seni bina, pembaikan bumbung stesen, dinding, siling, pintu dan tingkap, penaiktarafan kemasan dalaman, pembinaan kemudahan sokongan seperti bilik *genset* dan kerja-kerja luar bangunan.

Berdasarkan kemajuan semasa, **Lanjutan Masa (Extension of Time – EOT) No. 6** yang telah diluluskan, tarikh siap projek yang terkini adalah pada **16 Mac 2026**.

Baki kerja yang masih dalam pelaksanaan merangkumi kerja-kerja pemuliharaan menara jam, kerja-kerja yang melibatkan sistem mekanikal dan elektrik serta kemasan akhir bangunan. Kerja-kerja ini turut melibatkan proses pengujian dan pentauliahan sistem yang merupakan prosedur standard bagi memastikan aspek keselamatan, kebolehpercayaan dan keselesaan pengguna dipenuhi sepenuhnya sebelum penyerahan akhir projek.

Projek Membaik Pulih Bangunan Stesen Keretapi Seremban yang dimulakan pada 11 Januari 2023 mengandungi skop kerja yang melibatkan kerja-kerja konservasi seni bina bangunan sedia ada, penaiktarafan sistem elektrik, mekanikal dan sivil termasuk penggantian sistem penghawa dingin kepada sistem *Variable Refrigerant Flow/ Volume* (VRV/VRF), naik taraf sistem paip air, kerja-kerja saliran dan pencahayaan.

Selain Stesen Keretapi Seremban, dua (2) lagi stesen kereta api bertaraf warisan yang telah dan sedang giat menjalani kerja-kerja pemuliharaan iaitu Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Stesen Keretapi Ipoh.

UNTUK SIARAN SEGERA

Selain projek pemuliharaan ini juga, **Projek Pembinaan Baharu Stesen Seremban Dalam Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang Fasa 2 (KVDT2)** juga sedang giat dilaksanakan oleh Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd. (DMIA) yang melibatkan kos **RM154 juta**. Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja merobohkan bumbung platform sedia ada serta pembinaan semula kemudahan stesen melalui pendekatan pembangunan bersepadu yang mengekalkan identiti warisan bangunan stesen lama. Seajar dengan matlamat tersebut, sebuah pavilion baharu akan dibangunkan dengan fungsi komersial dan sosial bagi mengaktifkan semula penggunaan bangunan stesen warisan, sekali gus menjadikannya ruang interaksi komuniti dan tarikan bandar.



Kerja-kerja meroboh dan membina semula bumbung di Platform 1 Stesen Keretapi Seremban sedang giat dijalankan oleh pihak DMIA

Dalam tempoh pelaksanaan projek-projek ini, keselamatan, kebajikan dan keselesaan pengguna terus diberi keutamaan. Untuk pengguna yang menaiki kenderaan persendirian, **kemudahan parkir di bangunan Park & Ride bersebelahan** disediakan dengan kadar bayaran yang berpatutan, lengkap dengan **laluan alternatif pejalan kaki yang selamat** menuju ke stesen.

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

29-1 | Sentral RAC | No.16 Jalan Tun Sambanthan | Brickfields

50470 Kuala Lumpur | Wilayah Kuala Lumpur | Malaysia

Tel : 03 - 7459 0200 | Faks : 03 - 7459 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | X : RailwayAssetsMY | Instagram : railwayassetscorporation

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bagi memastikan akses yang inklusif, **laluan khas Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk laluan *tactile*** turut disediakan bagi memudahkan pergerakan pengguna berkeperluan khas dengan lebih selesa dan selamat. Selain itu, **kemudahan asas seperti tandas awam dan surau alternatif** turut disediakan sepanjang tempoh pembinaan bagi memastikan keselesaan pengguna tidak terjejas. Papan tanda arah ke platform juga dipaparkan dengan jelas bagi membantu pengguna menggunakan laluan yang betul tanpa kekeliruan.

Kedua-dua projek ini merupakan inisiatif Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan pengalaman pengguna perkhidmatan rel, malah menyokong agenda pembangunan bandar mampan dengan menggabungkan elemen mobiliti, komersial, sosial dan pemuliharaan warisan dalam satu pembangunan bersepadu.

Pelaksanaan projek ini dijangka memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi setempat, meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam serta memperkukuh peranan Stesen Keretapi Seremban sebagai hab pengangkutan dan ruang awam yang inklusif untuk masyarakat.

PERBADANAN ASET KERETAPI

26 DISEMBER 2025

- TAMAT -

UNTUK SIARAN SEGERA

Tentang RAC:

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Maklumat lanjut layari www.rac.gov.my

Pertanyaan Media:

Ketua Unit Hal Ehwal Korporat: Puan Ane Salfarizan binti Mispani

E-mel: salfarizan@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 012 – 659 4256

No Faks: 603 - 8939 0222

Pegawai Komunikasi Korporat: Puan Amira Farahin binti Abdul Shukor

E-mel: amira.shukor@rac.gov.my

No Tel: 603 - 8939 0200 / 010 – 400 6707

No Faks: 603 - 8939 0222

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)

29-1 | Sentral RAC | No.16 Jalan Tun Sambanthan | Brickfields

50470 Kuala Lumpur | Wilayah Kuala Lumpur | Malaysia

Tel : 03 - 7459 0200 | Faks : 03 - 7459 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | X : RailwayAssetsMY | Instagram : railwayassetscorporation

WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 : Laman Web: www.rac.gov.my